

**Kakitangan Pos Malaysia Terima Perlindungan Insurans Dan Bonus RM500 -  
Muhyiddin  
mStarOnline  
30 Mac, 2013  
Oleh TEH ENG HOCK**

**SHAH ALAM:** Kakitangan Pos Malaysia akan menerima perlindungan insurans dan bayaran ganjaran RM500 daripada majikan mereka.

Perlindungan insurans juga diperluaskan kepada keluarga mereka, manakala Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan memberikan netbook kepada semua anak-anak kakitangan Pos Malaysia yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM pada tahun lepas.

Pengumuman itu dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang melawat Pusat Mel Nasional Pos Malaysia di sini, Sabtu.

"Dengan peruntukan sebanyak RM670,000 daripada Pos Malaysia, pelan (insurans) akan melindungi semua 16,191 kakitangan Pos Malaysia, serta ahli keluarga mereka, sekiranya berlaku kecemasan," katanya.

Pelan itu akan melindungi kakitangan dan ahli keluarga terdekat sekiranya berlaku kemalangan, kematian dan kecacatan kekal.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/3/30/mstar\\_berita/20130330131732&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/3/30/mstar_berita/20130330131732&sec=mstar_berita)